



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

IMPLIKATUR DALAM MANUSKRIP MEGAT TERAWIS

HALIZA HAMAT

FBMK 2017 42



IMPLIKATUR DALAM MANUSKRIP *MEGAT TERAWIS*

Oleh

HALIZA BINTI HAMAT

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Alhamdulillah Ya Rabbi
Syukur kepada Mu
Akhirnya terhasillah tesis ini
Hanya dengan izin MU

Buat ayahnda dan bonda yang tersayang;
Hamat bin Hassan dan
Maryam binti Saman,

Terima kasih untuk segala sokongan
Dan kasih sayang yang diberi
Buat keluarga;
Terima kasih untuk segala bantuan

Tidak dilupa buat teman-teman yang sering di sisi
Berkongsi susah senang
Saling membantu
Terima kasih atas segalanya

Buat penyelia yang disanjung
Prof Madya Dr. Normahdiah Sheik Said
Dan Prof Madya Dr. Adi Yasran Abd. Aziz

Tidak lupa juga buat Prof Emeritus Dr Hashim Musa
Yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar
dalam mentrasliterasikan manuskrip Megat Terawis

Jutaan terima kasih untuk segalanya
Ku mohon agar dihalalkan segala ilmu
Dan tunjuk ajar yang diberi

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

IMPLIKATUR DALAM MANUSKRIP *MEGAT TERAWIS*

Oleh

HALIZA BINTI HAMAT

Disember 2016

Pengerusi : Profesor Madya Normahdiah binti Sheik Said, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan implikatur seperti bahasa kiasan, peribahasa, simpulan bahasa sangat berkait rapat dalam masyarakat Melayu lama dalam menyampaikan teguran, arahan atau sindiran tanpa menjatuhkan air muka pendengar. Walaupun kajian tentang implikatur telah banyak dijalankan oleh pengkaji sebelum ini namun ia lebih tertumpu kepada beberapa disiplin ilmu sahaja seperti wacana iklan atau akhbar berita. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengisi lompong kajian tentang pengkajian ilmu pragmatik dalam manuskrip lama iaitu manuskrip Megat Terawis (MSS130) yang berbentuk skrip drama pentas. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti unsur ayat yang mengandungi implikatur dan seterusnya menjelaskan penggunaan implikatur yang terdapat dalam manuskrip Megat Terawis mengikut Teori Relevans. Sebelum dianalisis, manuskrip ini telah ditransliterasikan terlebih dahulu dan seterusnya beberapa contoh dialog dipilih secara rawak bebas. Contoh-contoh implikatur ini seterusnya dianalisis untuk melihat penggunaannya oleh pengarang dan diuraikan dengan menggunakan Teori Relevan yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1995). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang banyak menggunakan ayat berbentuk implikatur dalam dialog untuk menyampaikan sindiran, kiasan dan amaran. Pemilihan ayat jenis ini adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pendengar tanpa menjatuhkan maruah pendengar. Pemilihan ayat yang bersesuaian mengikut konteks latar dalam manuskrip ini secara tidak langsung menggambarkan kesantunan yang dimiliki oleh watak-wataknya. Berdasarkan kajian ini didapati bahawa maklumat yang disampaikan oleh penutur dapat difahami dengan baik oleh pendengar kerana ia banyak berkisar tentang budaya dalam konteks masyarakat Melayu setempat. Keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa kos proses maklumat dalam MT adalah rendah kerana manuskrip ini merupakan skrip drama pentas yang yang perlu dipersembahkan dalam jangka waktu yang telah ditetapkan. Maka, maklumat yang hendak disampaikan perlulah jelas dan mudah difahami sama ada oleh pendengar atau penonton.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

IMPLICATURE IN *MEGAT TERAWIS* MANUSCRIPT

By

HALIZA BINTI HAMAT

Dicember 2016

Chairman : Associate Profesor Normahdiah binti Sheik Said, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The usage of implicature such as figurative language, proverb, idioms, are very closely connected to the ancient Malay community in delivering a reprimand, command or allusion without insulting the audience. The study of implicature has been carried out by researchers but it is more focused on a number of disciplines including advertisement or news releases. Therefore, this study was done to improve the study on pragmatic knowledge based on the on-stage drama script in the Megat Terawis' manuscript (MSS130). The aim of this study was to identify the elements of sentences containing implicature and to explain the use of implicature that was contained in Megat Terawis' manuscript by using Relevance Theory. Prior to analysis, the manuscript has been transliterated and a few examples of dialogue has been chosen randomly. Next, the examples of these implicatures were analysed in order to identify its usage by the author and were described by using Relevance Theory introduced by Sperber and Wilson (1995). The findings indicate that authors frequently uses implicature in the dialogue to convey insinuations, allusions and warnings. The usage of implicature were chosen to deliver information to the audience without insulting them. The uses of an appropriate sentence with contextual background in this manuscript indirectly reflect modesty of the characters in the manuscript. This study found that the information presented by the speaker can be easily understood by the audience as it is mostly focused on the culture of local Malay community. The overall foundation of this study indicate that the cost of information process in MT is low due to the manuscript which is based on the on-stage drama script that is need to be presented in a predetermined time period. Thus, the information should be clear and can be easily understood by the audience.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur atas limpah kurnia-Nya, dapat juga saya menyiapkan tugas ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kertas penyelidikan ilmiah, iaitu tesis.

Sekalung terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Normahdiah Sheik Said dan Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz selaku penyelia Projek yang banyak memberi bimbingan dan nasihat sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Setiap tunjuk ajar dan ilmu yang diberikan bagi menghasilkan penulisan yang baik dan betul amat saya hargai. Beliau juga sanggup meluangkan masa untuk berbincang dengan menyemak hasil kerja saya dan memberi komen-komen serta nasihat yang berguna untuk saya menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga mengucapkan sekalung penghargaan kepada Prof Emeritus Dr. Hashim Musa yang banyak memberi tunjuk ajar dalam membuat transliterasi manuskrip. Setiap nasihat, cadangan serta kerjasama yang diberikan dalam penyelidikan ini amat saya hargai. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang banyak memberikan semangat, nasihat serta tunjuk ajar semasa proses penyelidikan dilakukan. Jasa yang kalian curahkan sangat bernilai.

Kepada keluarga yang disayangi yang tidak jemu memberikan sokongan dan dorongan. Bantuan yang dihulurkan sedikit sebanyak memberi semangat untuk menyiapkan penulisan ini dengan baik dan sempurna. Segala nasihat yang diberikan sentiasa melekat diminda agar terus berusaha dengan lebih tekun lagi dan mencapai kejayaan yang bukan sahaja boleh membanggakan nama keluarga malah menaikkan imej fakulti.

BERILMU BERBAKTI

Haliza Hamat
GS38182

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 Disember 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Haliza binti Hamat bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Implikatur dalam Manuskrip *Megat Terawis*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norsimah Mat Awal, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Normahdiah Sheik Said, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat tu pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Haliza binti Hamat (GS38182)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa;

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Normahdiah Sheik Said

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	1
1.3 Persoalan Kajian	2
1.4 Objektif Kajian	2
1.5 Kepentingan Kajian	3
1.6 Skop Kajian	3
1.7 Definisi Operasional	4
1.7.1 Pragmatik	4
1.7.2 Implikatur	4
1.7.3 Manuskrip Melayu	5
1.8 Kesimpulan	5
II SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	6
2.2 Kajian Implikatur	7
2.3 Kajian yang menggunakan Teori Relevans	10
2.4 Kesimpulan	12
III METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	14
3.2 Reka bentuk Kajian	14
3.2.1 Kerangka Teori	15
3.2.2 Kerangka Konseptual	20
3.2.3 Kaedah Analisis Kandungan Teks	21
3.3 Bahan Kajian	21
3.4 Prosedur Kajian	21
3.5 Penganalisan Data	22
3.6 Justifikasi Pemilihan Implikatur dan Teori Relevan	22
3.7 Kesimpulan	22

IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	23
4.2	Penghuraian implikatur yang terdapat dalam manuskrip Megat Terawis berdasarkan Teori Relevan	23
4.3	Kesimpulan	65
V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	66
5.2	Kesimpulan	66
5.3	Cadangan	67
5.4	Penutup	68
	BIBLIOGRAFI	69
	LAMPIRAN	73
	BIODATA PELAJAR	168

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.2.1	Kerangka Teori	15
3.2.2	Kerangka Konseptual	20
4.1	Implikatur yang dituturkan oleh ketua dayang	25
4.2	Implikatur yang dituturkan oleh Orang Darat	27
4.3	Implikatur yang dituturkan oleh Megat Terawis	29
4.4	Implikatur dalam dialog Megat Terawis	31
4.5	Implikatur yang dituturkan oleh Pahlawan 2	33
4.6	Implikatur yang dituturkan oleh Megat Terawis	35
4.7	Implikatur yang dituturkan oleh Tok Bidara	37
4.8	Implikatur dalam ujaran Sembana	38
4.9	Implikatur yang dituturkan oleh Megat Terawis	40
4.10	Implikatur dalam dialog Isih Gerbang	42
4.11	Implikatur yang digunakan oleh Sembana	44
4.12	Implikatur yang digunakan oleh Sembana	46
4.13	Implikatur yang dituturkan oleh Menteri Aceh	48
4.14	Implikatur yang dituturkan oleh watak dayang	50
4.15	Implikatur yang dituturkan oleh Isih Gerbang	52
4.16	Implikatur yang dituturkan oleh Isih Gerbang	53
4.17	Implikatur yang dituturkan oleh Isih Gerbang	55
4.18	Implikatur dalam dialog Raja Perempuan Aceh	57
4.19	Implikatur yang diujarkan oleh Raja Perempuan Aceh	59
4.20	Implikatur yang dituturkan oleh Raja Aceh kepada Sembana	60
4.21	Implikatur dalam dialog Sultan Perak	62
4.22	Implikatur yang dituturkan dalam dialog Bendahara	64

SENARAI SINGKATAN

MT	Megat Terawis
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang Kajian

Dalam kehidupan seharian, bahasa memainkan peranan penting sebagai alat untuk berkomunikasi. Tanpa bahasa, manusia tidak dapat berkomunikasi antara satu sama lain. Menurut Abdul Mua'ti dalam Mohd. Aris dan Ahmad (2012) menyatakan bahawa komunikasi adalah suatu keperluan individu setiap hari. Ia adalah bertujuan untuk melahirkan pendapat, perasaan, berkongsi atau bertukar-tukar idea, maklumat dan perasaan dengan orang lain melalui proses yang berlangsung dengan baik.

Dalam hal ini, seorang pendengar hendaklah memahami corak bahasa yang dituturkan oleh penutur yang merupakan sangat penting dalam memahami penggunaan bahasa mereka. Manakala penutur pula berperanan penting dalam memastikan pendengar dapat memahami ujaran yang dituturkannya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2007) iaitu penutur mestilah bertanggungjawab untuk memastikan ujarannya selari dengan konteks pendengar.

Salah satu cara untuk memahami corak bahasa yang digunakan oleh sesebuah masyarakat ialah melalui kajian pragmatik terhadap bahasanya. Melalui kajian pragmatik bahasa dalam masyarakat tersebut dapat dilihat corak penggunaan bahasa yang betul dan seterusnya mengelakkan masalah dalam berkomunikasi. Hal ini kerana setiap masyarakat yang berbeza budaya kebiasaannya mempunyai perbezaan dalam penggunaan bahasa mereka.

Bahasa yang digunakan oleh seseorang juga melambangkan latar belakang dan budayanya. Masyarakat Melayu sangat berhati-hati semasa berkomunikasi bagi mengelakkan pendengar tersinggung dengan apa yang dituturkannya. Segala jenis pujian atau teguran adalah dilakukan secara kiasan dan perlambangan yang seterusnya menjadikan banyak penggunaan implikatur dalam komunikasi masyarakat Melayu pada waktu tersebut.

1.2 Penyataan Masalah

Sememangnya kajian terhadap bidang pragmatik terutama sekali implikatur telah dijalankan oleh ramai pengkaji sebelum ini. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh mereka hanyalah tertumpu kepada beberapa disiplin ilmu sahaja seperti wacana iklan, atau akhbar berita. Tidak ramai yang mengkaji pragmatik yang terdapat dalam naskhah manuskrip Melayu lama yang masih bertulisan Jawi. Antaranya ialah seperti kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1992) iaitu Implikatur:

Satu aspek seni berbahasa orang Melayu manakala Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) pula membuat kajian tentang Implikatur dalam kes “Pembunuhan Noritta”.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Husin Sarif (2010) pula berkaitan Keimplisitan ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari sudut pragmatik dan Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa pula Komunikasi berimplikatur fungsi dan peranannya dalam masyarakat Melayu tradisional berdasarkan Teks Sejarah Melayu. Walaupun kedua-dua kajian yang dilakukan ini menggunakan bahan manuskrip Melayu lama, namun ianya menggunakan Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu sebagai bahan kajian dan kedua-dua kajian ini menggunakan teks yang telah diterjemahkan ke dalam tulisan rumi.

Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengisi lompang kajian tentang pengkajian ilmu pragmatik dalam manuskrip lama dengan menfokuskan kepada implikatur yang digunakan oleh pengarang dalam manuskrip *Megat Terawis* ini. Untuk melihat keberkesanan setiap pemilihan ayat tersebut pula, Teori Relevan oleh Sperber dan Wilson akan digunakan. Melalui teori ini juga dapat dilihat perkaitan yang terjadi antara pemilihan ayat dengan konteks yang terlibat mengikut situasi.

Pemilihan manuskrip *Megat Terawis* pula adalah kerana menurut rekod Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), masih belum ada mana-mana pihak yang telah membuat kajian tentang manuskrip ini. Tambahan pula, manuskrip ini adalah dalam bentuk skrip drama pentas yang dikarang oleh pengarang berdasarkan kisah sebenar yang diceritakan oleh orang tua-tua. Justeru itu pengkaji ingin lihat sejauh manakah implikatur yang digunakan oleh pengarang dalam mengarang manuskrip ini bagi memastikan setiap maklumat yang ingin disampaikan dapat disampaikan dengan baik bersesuaian dengan masa untuk pementasan drama ini yang terhad.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ‘Aspek Pragmatik Dalam Manuskrip *Megat Terawis* adalah seperti berikut:

- i. Yang manakah unsur ayat yang mengandungi implikatur dalam manuskrip *Megat Terawis*.
- ii. Bagaimanakah implikatur dalam manuskrip *Megat Terawis* dapat dijelaskan berdasarkan Teori Relevans.

1.4 Objektif Kajian

Objektif untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti unsur ayat yang mengandungi implikatur dalam manuskrip *Megat Terawis*.

- ii. Untuk menjelaskan penggunaan implikatur dalam manuskrip *Megat Terawis* berdasarkan Teori Relevans.

1.5 Kepentingan Kajian

Penutur dan pendengar memainkan peranan yang penting dalam memastikan komunikasi yang berlaku dapat dilakukan dengan berkesan. Setiap ujaran yang disampaikan oleh penutur perlulah difahami oleh pendengar. Salah satu cara untuk memahami ujaran yang disampaikan oleh penutur ialah melalui kajian pragmatik. Melalui kajian dalam bidang pragmatik ini dapat membantu melihat bagaimana sesebuah ayat yang dituturkan dapat berfungsi terutama sekali bagi ayat-ayat jenis implikatur. Selain itu juga, ia dapat membantu penutur dalam membuat pemilihan ayat yang sesuai agar dapat menyampaikan maklumat tanpa menjatuhkan air muka pendengar.

Diharapkan agar pengetahuan tentang analisis implikatur yang akan dijalankan dalam kajian ini dapat membantu memperluaskan bidang penyelidikan tentang implikatur dan pemikiran orang Melayu melalui penganalisisan manuskrip Melayu. Selain daripada hasil kajian ini penting dalam bidang pragmatik, ia juga diharapkan dapat membantu menambahkan koleksi transliterasi manuskrip Melayu yang kini semakin menarik minat pengkaji. Dapatan kajian manuskrip ini juga dapat dijadikan sebagai panduan atau pencetus idea untuk kajian-kajian lanjutan oleh pengkaji-pengkaji lain yang berhasrat untuk mendalami bidang pragmatik dan manuskrip seterusnya dapat memahami manuskrip Melayu dari segi makna bukan sahaja dari segi ayat.

1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan membataskan kajian kepada sebuah manuskrip yang berjudul *Megat Terawis*. Manuskrip ini telah diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah disumbangkan oleh Tun Fatimah iaitu pengarang manuskrip ini sendiri. Manuskrip ini telah dikarang dalam tulisan Jawi pada tahun 1950 oleh Tun Fatimah atas nasihat A.C Hooykaas, iaitu nazir agung sekolah-sekolah Perak pada waktu itu. Manuskrip ini mengandungi 94 halaman yang terdiri daripada asal usul serba ringkas tentang *Megat Terawis*, ringkasan setiap adegan serta keterangan tentang bahasa dan adat istiadat negeri Perak.

Manuskrip ini turut menceritakan serba ringkas tentang watak-watak di samping memberi keterangan tentang pakaian dan adat istiadat bergelar pada zaman tersebut. Manuskrip ini turut menggunakan bahasa dialek dan bahasa istana bersesuaian dengan konteks situasi ketika ujaran tersebut dituturkan. Disebabkan manuskrip ini ditulis dalam tulisan Jawi, maka manuskrip *Megat Terawis* ini akan ditransliterasikan ke dalam tulisan rumi terlebih dahulu sebelum kajian ini dijalankan. Ini kerana berdasarkan rekod DBP, belum ada pengkaji yang telah mengkaji manuskrip ini maka belum ada mana-mana pihak yang telah mentransliterasikan manuskrip ini.

Oleh disebabkan hampir kesemua ujaran yang dilakukan oleh watak-watak dalam manuskrip ini menggunakan implikatur, maka tidak semua ujaran tersebut akan dikaji. Kajian ini hanya akan menumpukan kepada ujaran yang mengandungi implikatur yang paling jelas sahaja seperti bahasa kiasan ataupun peribahasa. Kesemua dialog yang terdapat dalam manuskrip ini akan dikenalpasti terlebih dahulu sebelum dianalisis.

Seterusnya, beberapa contoh ayat yang mengandungi implikatur atau maksud yang kabur akan diambil dan dianalisis untuk melihat hubungan diantara implikatur dengan pemilihan wacana yang digunakan oleh pengarang dalam MT menggunakan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson. Hal ini bertujuan untuk melihat pemilihan ayat yang digunakan oleh pengarang kerana melalui manuskrip juga masyarakat Melayu merakamkan bahasa, budaya dan pemikiran mereka.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pragmatik

Pragmatik adalah merupakan salah satu cabang yang terdapat dalam pengkajian bahasa. Secara umumnya bidang pragmatik ialah bidang yang mengkaji tentang makna sesuatu ujaran. Walau bagaimanapun, bidang pragmatik adalah berbeza dengan semantik. Hal ini kerana semantik merupakan bidang kajian makna bahasa yang hanya berdasarkan ciri-ciri ungkapan sesuatu bahasa sahaja. Manakala pragmatik pula merupakan kajian makna bahasa berdasarkan ciri-ciri bukan linguistik iaitu latar belakang penutur dan pendengar, pemikiran, kepercayaan, kebudayaan dan lain-lain. Siti Hajar Abdul Aziz (2010) berpendapat bahawa pragmatik ialah bidang yang mengkaji keseluruhan perlakuan manusia dan yang berkaitan dengan kajian tanda bukan linguistik dan lambang bahasa. Antara kepentingan bidang pragmatik ialah untuk menghuraikan makna ujaran yang berbentuk implisit iaitu makna yang tidak dinyatakan atau makna disebalik ujaran yang dinyatakan seperti dalam kiasan dan peribahasa.

1.7.2 Implikatur

Implikatur merujuk kepada ujaran yang mengandungi maksud yang berbeza daripada apa yang dituturkan. Walau bagaimanapun, maksud ini mestilah difahami oleh pendengar berdasarkan faktor yang dikongsi bersama antara penutur dan pendengar yang dipanggil sebagai kesimpulan. Menurut Sperber dan Wilson (1991), *we do believe that non-demonstrative inference play a crucial role in utterance interpretation*. Seterusnya, menurut Grice (1975) pula, penutur bertanggungjawab dalam memastikan kehadiran implikatur dalam perbualan dapat disedari dan difahami oleh pendengar.

1.7.3 Manuskrip Melayu

Manuskrip Melayu ialah naskhah lama yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana dahulu. Kebiasaannya ia bertulisan tangan dan menggunakan tulisan Jawi yang mengandungi pelbagai disiplin ilmu. Antaranya ialah seperti dalam bidang agama, sosial, adat resam, cerita rakyat, hikayat dan pemerintahan. Ia juga merupakan warisan intelektual sarjana silam yang merakamkan segala nilai yang menyentuh pelbagai aspek norma dan kehidupan masyarakat Melayu lama. Nilai-nilai ini seterusnya merupakan sumber maklumat kepada pengkaji zaman ini tentang kehidupan seharian dan sikap masyarakat pada waktu tersebut.

1.8 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, bab ini telah menerangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional. Kajian ilmu pragmatik merupakan kajian tentang maksud sesuatu ujaran sama ada dari segi implisit atau eksplisit. Memahami maksud sesuatu ujaran adalah penting bagi memastikan sesuatu komunikasi berfungsi secara berkesan antara penutur dengan pendengar atau penulis dengan pembaca. Setiap ujaran yang dilakukan oleh penutur perlulah mampu difahami oleh pendengar bagi mengelakkan kekeliruan dalam penyampaian maklumat.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2010). *Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu dari sudut pragmatik*. (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur dalam kes “Pembunuhan Noritta”: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 20-38.
- Arina Johari & Irdirawati Zahid. (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 73-94.
- Blackemore, D. (1992). *Understanding utterances*. Oxford: Blackwell.
- Catford, J. C. (1996). *Teori linguistik bagi penterjemah*. (Uma a/p Iyavoo & Koh C. G., Penterjemah). Kuala Lumpur: Islamic Foundation.
- Clark, B. (2013). *Relevance theory*. New York: Oxford York.
- Francisco Yus. (2003). Humor and the search for relevance. *Jurnal of Pragmatics*. 35, 1295-1331.
- Green, G. M. (1996). *Pragmatics and natural language understanding* (2nd ed.). New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Grice, H.P. (1975). Logic and Conversation. Dalam Cole, P. (Editor). *Syntax and Semantic Volume 3: Speech Acts*. United State of America: Academic Pr.
- Grundy, P. (1995). *Doing pragmatics*. Great Britain: Edward Arnold.
- Husin Sarif. (2010). *Keimplisitan ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari sudut pragmatik*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. N. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Azhar M. Sidin, Penterjemah). London: Longman.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, 3, 7-20.
- Mohd Aris Anis & Ahmad Esa. *Fungsi dan peranan komunikasi berimplikatur dalam budaya masyarakat Melayu Islam*. Kertas Kerja yang dibentangkan di World Conference on Islamic Thought. Ipoh, Perak. 11 & 12 September 2012.
- Mohd Aris Anis & Ahmad Esa. *Komunikasi berimplikatur: fungsi dan peranannya dalam masyarakat Melayu tradisional berdasarkan Teks Sejarah Melayu*. Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, Putrajaya. 29-31 Mac 2012.

- Muhamad Safuan Mat Saleh. (2011). *Implikatur dalam perbualan pelajar Universiti Putra Malaysia*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam ujaran watak dalam Filem P. Ramlee*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal. (2006). Citra lelaki dulu dan kini: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi, FSSK, 1(1)*, 1-21. http://www.ukm.my/e-bangi/index.php?option=com_jresearch&view=publication&task=show&id=32&lang=en. Diakses pada 23 Jun 2014.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). Implikatur: Satu aspek seni berbahasa orang Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa, 36(8)*, 676-690.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000a). Seksis atau sosialisasi: Satu interpretasi makna berdasarkan peribahasa Melayu. *Rampak Serantau, 7*, 142-161.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000b). Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia: Analisis linguistik. *Jurnal Linguistik, 10*, 2-21.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Hj. Mohd Kiram & Nik Farhan Mustapha. (2013). Persepsi pelajar Melayu terhadap sifat dan konsep malu orang Melayu. *Jurnal Linguistik, 17(1)*, 39 – 48.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan: Teks dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, 15*, 232-253.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). *Wacana bahasa*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (dlm. talian). <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=hujan&d=10> Diakses pada 10 Mac 2017
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (dlm. talian). <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sekilas+ikan+di+air>. Diakses pada 10 Mac 2017
- Puteri Zanina Megat Zainuddin. (2016). *Megat Terawis: Orang kaya Bendahara Paduka Raja of Perak*. Kuala Lumpur: MYED International Education Advisory Sdn. Bhd.

- Ragini Ragavan & Che Ibrahim Haji Salleh. (2015). Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial. *Journal of Business and Social Development*. 3(1), 66-75.
- Salvador Pons Borderi'a. (2008). Do discourse markers exist? On the treatment of discourse markers in Relevans Theory. *Journal of Pragmatics*. 40, 1411-1434.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1999). *Relevans komunikasi dan kognisi*. (Nor Hashimah Jalaluddin, Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teh Fatimah (1950). *Megat Terawis*.
- Thomas, J. (1995) *Meaning in interaction*. New York: Longman Group Limited.
- Verschueren, J. (1999). *Understanding pragmatics*. Great Britain: Arnold.
- Wilson, D. & Sperber, D. (1991). *Inference and Implicature.. Pragmatics A Reader*. (Steven Davis, Editor). Oxford University.
- Wong S. H. (2013). Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 39-63.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Yule, G. (1996). *The study of language* (2nd ed.).United Kingdom: Cambridge University Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah&Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan&Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 11(2), 321-338.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2000). *Penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami pertuturan kanak-kanak melalui analisis pragmatik*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

IMPLIKATUR DALAM MANUSKRIP MEGAT TERAWIS

NAMA PELAJAR : HALIZA BINTI HAMAT

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]